

PENGAWALSELIAAN

MATA WANG KRIPTO^{DI} MALAYSIA

KIRRTHANA A/P PALISAMY
NAZURA ABDUL MANAP

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MASSA CREATIVE ENTERPRISE
Back side of GF-03A, Menara Paragon, Persiaran Bestari,
Cyber 11, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-199-2

Kandungan

Senarai Kes ... 7

Senarai Statut ... 9

Prakata ... 11

BAB 1 Susur Galur Mata Wang Kripto ... 13

BAB 2 Sifat dan Risiko Mata Wang Kripto ... 44

BAB 3 Undang-undang yang Mengawal Selia Mata Wang Kripto di
Malaysia ... 62

BAB 4 Undang-undang yang Mengawal Selia Mata Wang Kripto di
Amerika Syarikat dan Singapura serta Perbandingannya
dengan Malaysia ... 74

BAB 5 Rumusan dan Cadangan Penambahbaikan Undang-undang
yang Mengawal Selia Mata Wang Kripto di Malaysia ... 110

Rujukan ... 119

Indeks ... 123

Prakata

Revolusi teknologi antara lain telah merevolusikan wang. Antara kesannya adalah kelahiran medium pertukaran baharu yang dikenali sebagai mata wang kripto. Ia tersedia dalam bentuk elektronik atau digital dan boleh ditukar hanya dalam talian. Kini, mata wang kripto telah menjadi sangat popular disebabkan peningkatan privasi dan kos transaksi yang lebih rendah. Peningkatan penggunaan dan minat orang ramai terhadap mata wang ini di seluruh dunia dan di Malaysia menggambarkan bahawa suatu rangka kerja perundangan strategik diperlukan bagi mengawal selianya di negara ini dan juga di luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat terdesentralisasi dan ketanpanamaan (anonymity) mata wang kripto meningkatkan risiko penyalahgunaannya. Sebagai contoh, penggunaan mata wang kripto yang semakin meningkat memudahkan dan mempercepatkan aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram, pembiayaan penganas dan jenayah siber yang memerlukan perhatian segera. Maka, tujuan penulisan ini adalah untuk meneroka undang-undang yang mengawal selia mata wang kripto di Malaysia dan menilai sama ada undang-undang tersebut adalah efisien memandangkan risiko penggunaan mata wang kripto yang semakin meningkat. Selain itu, perbandingan dengan dua negara lain akan dilakukan bagi mengenal pasti cadangan penambahbaikan yang sesuai. Negara-negara tersebut adalah Amerika Syarikat dan Singapura. Pendekatan kajian kualitatif berasaskan kajian literatur dan analisis perbandingan telah diguna pakai untuk mencapai tujuan penulisan ini. Dengan menjadikan mata wang kripto sebagai subjek utama, penulisan ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama menceritakan lebih tentang sejarah, jenis dan kedudukan mata wang kripto di peringkat global serta di Malaysia. Bab 2 pula menerangkan sifat-sifat mata wang kripto serta risiko-risiko yang mungkin dihadapi apabila berurusan dengannya. Bab 3 merangkumi analisis terhadap undang-undang yang mengawal selia mata wang kripto di Malaysia serta isu-isu yang timbul dalam sistem pengawalseliaannya. Perbandingan dengan Amerika Syarikat dan Singapura dapat dilihat dalam Bab 4 di mana bab ini lebih mengupas sistem pengawalseliaan mata wang di dua negara tersebut. Menurut hasil perbandingan dalam bab ini, undang-undang

yang mengawal selia mata wang kripto di Malaysia perlu ditambah baik dengan mencontohi undang-undang yang mengawal selia mata wang kripto di Singapura dan Amerika Syarikat. Maka, bab terakhir iaitu Bab 5 akan memfokuskan cadangan penambahbaikan. Akhir kata, penulisan ini akan menjadi satu panduan kepada rakyat serta kerajaan.

Pengarang ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas pemberian geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (FRGS / 1 / 2020 / SSO/ UKM/01/2). Pengarang juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Perpustakaan Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang membantu dalam menjayakan penulisan ini.

*Kirrthana A/P Palisamy
Nazura Abdul Manap*